



Setiap tahun ada sekumpulan calon yang gagal mendapat tempat apabila keputusan memasuki program ijazah sarjana muda di 20 universiti awam.

Jumlah calon yang berjaya mendapat tempat di semua universiti awam itu ialah 41,573 daripada 68,702 calon yang memohon.

Ini bermakna terdapat seramai 27,129 calon lain yang layak tetapi tidak mendapat tempat di mana-mana universiti awam.

Tentunya mereka itu berasa sangat dukacita atas kegagalan itu. Mungkin terdapat dalam kalangan mereka yang tidak tahu apa yang harus dilakukan selepas gagal mendapat tempat di universiti

seperti yang diharapkan.

Calon yang gagal menerima sebarang tawaran boleh mengemukakan rayuan yang berakhir pada 21 Julai lalu.

Namun begitu, ini bergantung kepada jumlah kekosongan tempat dalam program yang diminta jika calon yang berjaya menolak tawaran itu.

Apakah pilihan yang ada yang mungkin boleh difikirkan dan dipertimbangkan oleh calon yang gagal mendapat tempat di universiti awam itu? Berikut ialah beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh calon.

Memohon universiti/kolej universiti swasta

Calon boleh memohon memasuki universiti dan kolej universiti swasta di negara ini bagi mengikuti pengajian pada peringkat ijazah pertama sama ada program dalam negara, program berkembar dengan universiti awam tempatan atau universiti luar negara.

Dalam hal ini, penulis menasihati calon bahawa jika ingin melanjutkan pengajian di universiti dan kolej universiti swasta, semaklah terlebih dahulu status program yang ditawarkan itu daripada Agensi Kelayakan Malaysia

Pilihan kedua jika gagal ke IPTA

(MQA), sama ada kursus itu mendapat perakuan akreditasi atau sebaliknya.

Hal ini demikian kerana hanya program yang mendapat akreditasi akan diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi awam dan memudahkan calon meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi di institusi pengajian awam pada masa akan datang.

Institusi latihan kemahiran dan keusahawanan

Calon boleh memohon memasuki mana-mana institusi latihan kemahiran anjuran pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Amanah Rakyat yang menawarkan banyak bidang kemahiran.

Selain itu, calon boleh memohon melanjutkan pengajian di institusi latihan perubatan anjuran Kementerian Kesihatan dan universiti awam dalam kursus jururawat, pembantu farmasi, inspektor kesihatan, jurutekno-

logi makmal perubatan dan juru X-ray pada peringkat diploma.

Dengan berbekal sijil atau diploma kemahiran, dapat memudahkan calon mencari dan mendapat pekerjaan dalam bidang berkaitan. Malah dengan diploma itu, calon berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda pada masa depan.

Calon juga boleh memasuki institusi latihan seperti kursus penerbangan sebagai juruterbang yang menjanjikan kerjaya yang cerah.

Bagi yang meminati bidang keusahawanan, calon boleh memohon mengikuti kursus atau program keusahawanan anjuran Institut Keusahawanan Negara. Selepas itu, calon boleh memulakan kerjaya usahawan dalam sektor yang diminati.

Mengambil STPM

Calon yang tidak berjaya memasuki universiti boleh menduduki semula peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

(STPM). Langkah itu bertujuan memperbaiki gred seterusnya meningkatkan peluang calon untuk memasuki universiti awam serta bidang pengajian yang diminati pada sesi pengambilan akan datang.

Janganlah berputus asa kerana gagal ke universiti. Berdasarkan pengalaman penulis, terdapat pelajar yang menduduki peperiksaan STPM lebih daripada sekali dan muncul pelajar cemerlang di universiti.

Bekerja dan belajar

Satu lagi pilihan ialah calon boleh memohon kerja berdasarkan sijil STPM dan mengikut minat masing-masing sama ada di sektor awam atau swasta.

Pada masa yang sama calon menyambung pengajian secara sambilan pada peringkat ijazah sarjana muda menggunakan kelulusan STPM.

Calon boleh memohon untuk mengikuti pengajian di universiti awam atau swasta secara jarak jauh, luar kampus, pengajian hujung minggu atau pada waktu malam.

Walaupun tempoh pengajiannya lebih panjang berbanding pengajian sepenuh masa dan kadangkala sehingga menjangkau beberapa tahun, namun begitu, itu bukanlah halangan untuk mencapai kejayaan.

Dari satu segi calon mempunyai kelebihan berbanding pelajar universiti kerana mempunyai pekerjaan tetap dan pada masa yang sama belajar di institusi pengajian tinggi.

